



KUPASAN MUTU JAWAPAN

EKONOMI ASAS
3757/2

SPM
2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	3757/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 Jam

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas Ekonomi Asas 3757/2 mengandungi dua bahagian:

- Bahagian A Calon dikehendaki memilih 3 soalan daripada 5 soalan dalam bahagian ini. Calon dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam bahagian ini.
- Bahagian B Mengandungi soalan 6 dan wajib dijawab. Calon dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab soalan dalam bahagian ini.

Calon berpeluang menjawab dalam masa 120 minit (2 jam) untuk kedua-dua bahagian tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Jawapan calon mempamerkan prestasi yang sederhana. Terdapat jawapan calon yang mempunyai fakta dan huraian yang mantap dan mencukupi. Walau bagaimanapun, didapati banyak jawapan yang masih gagal menguasai teori, konsep, fakta, huraian dan kemahiran ekonomi dengan memberi respon yang kurang tepat dan tidak relevan dengan kehendak soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Kumpulan Tinggi**

Terdapat jawapan calon yang cemerlang dan dapat memperlihatkan pengetahuan, kefahaman, kemahiran aplikasi, membanding beza, membuat keputusan dan analisis perkaitan iaitu dari peringkat asas kepada lanjutan. Fakta, huraian dan contoh yang diberi adalah tepat dan mencukupi. Terdapat juga jawapan calon yang berjaya memberi huraian secara terperinci. Jawapan calon juga menggunakan ayat ringkas dan menepati laras bahasa ekonomi.

Kumpulan Sederhana

Jawapan calon masih relevan dengan kehendak soalan tetapi belum mampu untuk menguasai sepenuhnya soalan aras sederhana dan tinggi. Fakta, huraian serta contoh yang diberi tidak mencukupi kerana berulang. Jawapan calon dalam kumpulan ini tidak dihurai secara terperinci. Jawapan calon menunjukkan penguasaan, pengetahuan, kefahaman dan aplikasi aras sederhana dan rendah. Walau bagaimanapun, bagi soalan kemahiran menganalisis dan membuat keputusan, jawapan calon masih dapat mengemukakan alasan yang tepat tetapi terhad. Jawapan calon kurang sistematik.

Kumpulan Rendah

Jawapan calon menunjukkan pengetahuan dan kefahaman pada aras rendah sahaja. Jawapan yang dikemukakan oleh calon kumpulan ini menunjukkan mereka tidak dapat menguasai konsep ekonomi dan mengemukakan fakta dan huraian yang tidak tepat serta bercampur aduk. Kualiti jawapan yang diberi sangat rendah.

PRESTASI TERPERINCI

1 (a) Gambar 1 menunjukkan satu contoh barang percuma.



Gambar 1

Barang tersebut boleh diubah menjadi barang ekonomi.

Beri hujah anda secara terperinci tentang pernyataan di atas.

Bagi soalan 1(a) calon dikehendaki memberi hujah secara terperinci tentang barang percuma yang boleh diubah menjadi barang ekonomi berdasarkan gambar 1.

1(a)	<p>terjun Air merupakan barang percuma dan boleh dijadikan barang ekonomi setelah diproses menjadi air minum ^{botol} air botol minuman ^{dan} yang dipasarkan.</p> <p>Dengan itu, air botol minuman dikeluarkan oleh pihak swasta berbanding dengan air ^{terjun} yang merupakan sumbu anugerah tuhan. Penawaran air botol minuman terhad berbanding dengan air terjun yang mempunyai penawaran tidak terhad. Pengeluaran air botol minuman melibatkan kos lepas berbanding dengan air terjun yang tidak melibatkan kos lepas. Terdapat pengecualian penggunaan bagi air botol minuman berbanding dengan air terjun yang tidak mempunyai pengecualian penggunaan. Pengguna perlu membayar atas penggunaan air botol minuman berbanding dengan air terjun yang percuma dan diperolehi tanpa pembayaran.</p>
------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan calon amat baik dan tepat. Bahasa yang digunakan adalah jelas menggunakan ayat yang ringkas dan padat. Jawapan memberi hujah dengan tepat dan terperinci tentang ciri barang ekonomi berdasarkan contoh yang amat relevan. Jawapan juga menghubungkan rangsangan gambar air terjun/sungai dengan ciri-ciri barang ekonomi.

a)	<p>Firma boleh memproses barang percuma kepada barang ekonomi. Penawaran barang percuma adalah tidak terhad. Firma memproses barang percuma dan menjual barang tersebut. Penawaran barang akan menjadi terhad. Individu boleh harus membayar untuk mengguna barang ekonomi. Barang ekonomi tersebut mempunyai kos lepas. Kalaupun ada pengecualian untuk mengguna barang tersebut. Barang ekonomi dikeluarkan oleh firma.</p>
----	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Sebahagian lagi jawapan calon hanya dapat memberi ciri barang ekonomi tanpa mengaitkan dengan rangsangan soalan.

1(a)	<p>Hujah tentang pernyataan di atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Anugerah Tuhan - Tidak memerlukan bayaran - Tidak mempunyai kos lepas - Pengeluaran tidak terhad - Tidak pengecualian penggunaan
------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan calon hanya menyatakan ciri barang percuma sedangkan kehendak soalan ialah ciri barang ekonomi yang diproses daripada barang percuma

(b) Perbualan berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi dua buah negara.

Kamal:	Fahmi, bila kau sampai di sini? Aku dengar kau buka restoran di negara P. Banyak dapat untung?
Fahmi:	Aku sampai semalam, lewat dua hari kerana ditahan pihak imigresen negara P. Tahun lepas restoran aku dapat untung banyak, sebab tu aku kena bayar cukai. Selepas bayar cukai, baru aku dibenarkan berlepas ke sini. Eh, kau buat apa di negara Q ni?
Kamal:	Aku menjadi pemain bola sepak dengan Kelab Division Dua. Kau tak kena bayar zakat?
Fahmi:	Di negara P tak perlu. Kau pula bagaimana, dah jelaskan bayaran cukai dan zakat?
Kamal:	Mana ada cukai dan zakat di sini. Aku bebas menggunakan semua pendapatan yang diterima.

Beri empat perbezaan ciri antara sistem ekonomi negara P dengan sistem ekonomi negara Q.

Soalan 1(b) calon dikehendaki mengenal pasti sistem ekonomi negara P dan sistem ekonomi negara Q dan membezakan empat ciri kedua-dua sistem ekonomi tersebut.

Cb) Perbezaan antara sistem ekonomi negara P dengan sistem ekonomi negara Q		
	Sistem ekonomi negara P	Sistem ekonomi negara Q
Sistem ekonomi	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi kapitalis
Pemilikan Sumber	Sumber Barang swasta dimiliki oleh pihak swasta manakala barang awam dimiliki kerajaan.	Sumber ekonomi dimiliki oleh swasta, iaitu pengeluar dan pengguna.
Motif	Pihak swasta bermotifkan keuntungan tetapi pihak kerajaan menjaga kebajikan rakyat.	Pihak swasta mengeluarkan barang dengan tujuan memaksimalkan keuntungan sahaja.
Persaingan	Wujud persaingan antara pengeluar dalam pengeluaran barang swasta. Pihak kerajaan tidak merupakan pengeluar-funggal barang awam dan tidak menghadapi persaingan	Persaingan bebas wujud antara pengeluar dalam memabatkan barang dan perkhidmatan
Penentu Harga	Harga barang swasta ditentukan mekanisme harga. Harga barang awam ditentukan kerajaan.	Semua harga barang ditentukan melalui kuasa pasaran, iaitu mekanisme harga.

Jawapan dapat membezakan jenis sistem ekonomi bagi Negara P dan Negara Q. Ciri diuraikan dengan tepat dan menggunakan ayat yang ringkas dan gramatis. Terdapat jawapan calon yang mengemukakan ciri yang melebihi kehendak soalan.

	Negara Q	Negara P
b	Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi sosialis
	Firma bebas memiliki sumber	Sumber dimiliki oleh kerajaan
	motif utama firma ialah	motif utama kerajaan
	keuntungan	ialah kebajikan
	Pengguna bebas memilih	Pengguna tidak dapat
	barang dan perkhidmatan	memilih barang & perkhidmatan
	Harga barang ditentukan	Harga barang ditentukan
	melalui mekanisme harga	oleh kerajaan
	Barangan diagih mengikut	Barangan diagih sama
	corak agihan pendapatan	rata kepada semua orang

Jawapan yang sederhana kerana hanya dapat mengenal pasti satu sistem ekonomi dan menjelaskan ciri-cirinya.

b. Negara P	Negara Q
Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi perancangan pusat
bebas membuat pilihan	tidak bebas membuat pilihan
Pasaran tidak dikawal	Pasaran dikawal oleh kerajaan
bebas memeluk agama.	tidak bebas.

Jawapan yang lemah kerana gagal mengenal pasti kedua-dua jenis sistem ekonomi.

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu dasar kerajaan.

Dasar Rasionalisasi Subsidi dengan meningkatkan harga petrol Ron 95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter oleh kerajaan dapat menjimatkan hasil kerajaan sebanyak RM3.3 juta. Penjimatan tersebut membolehkan kerajaan memberi lebih banyak bantuan kepada golongan berpendapatan rendah.

- (i) Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh golongan tersebut? Beri dua contoh.
- (ii) Jelaskan kesan dasar di atas terhadap ekonomi Malaysia.

Soalan 1(c)(i) calon diminta memberikan dua contoh pendapatan yang diterima oleh golongan yang berpendapatan rendah. Manakala soalan 1(c)(ii) meminta calon menjelaskan kesan Dasar Rasionalisasi Subsidi terhadap ekonomi Malaysia.

(c)

i. Jenis pendapatan yang diterima oleh golongan tersebut:

- Bayaran pindahan
 - Bantuan rakyat 1 Malaysia (BR1M)
 - Bantuan awal persekolahan
 - Baucer buku 1 Malaysia.

Jawapan calon cemerlang mengemukakan dengan tepat jenis pendapatan dan memberi dua contoh yang sesuai.

(i) Bayaran pindahan. Contoh bayaran pindahan ialah pencen, wang saku, pampasan dan biasiswa.

Jawapan yang sederhana masih dapat mengemukakan jenis pendapatan dengan tepat tetapi hanya memberi satu contoh yang sesuai.

(ii) Bayaran pindahan. Golongan tersebut dapat wang bantuan daripada kerajaan. Selain itu, golongan juga menerima bantuan kerajaan, dengan cara dapat menerusi membeli diesel yang murah.

Jawapan calon masih dapat mengemukakan jenis pendapatan dengan tepat tetapi gagal mengemukakan contoh yang sesuai.

cii. Ekonomi Malaysia akan stabil. Golongan pendapatan rendah tidak akan susah walaupun harga petrol dan diesel meningkat kerana mereka akan dapat bantuan dari dengan cara lain.

Jawapan calon dapat menjelaskan tiga kesan dasar dengan tepat.

(ii) kesan dasar tersebut terhadap ekonomi Malaysia ialah dapat meningkatkan ekonomi negara dengan membolehkan pengguna berkelanja pada kadar mampu milik, membolehkan ekonomi negara bertambah kukuh dengan penjimatan hasil kerajaan demi untuk kebajikan rakyat dan kerajaan dapat mengelakkan daripada bertutang pembangunan negara bertambah maju serta hasil kerajaan dapat membantu dalam bajet negara.

Jawapan calon hanya menjelaskan dua kesan dasar yang sesuai.

1e (ii) kesan dasar diatas terhadap ekonomi Malaysia ialah orang yang kurang menggunakan kereta. Setemunya, orang yang naik bas awam atau LRT untuk pekerjaan. Selain itu, masyarakat kurang keluar membeli belah

Jawapan calon langsung tidak dapat menjelaskan kesan pelaksanaan dasar tersebut.

(d) Jelaskan sebab-sebab potongan wajib dikenakan ke atas individu.

Soalan 1(d) calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab potongan wajib dikenakan ke atas individu

(d) Potongan wajib dikenakan ke atas individu termasuklah cukai pendapatan perseorangan. Cukai pendapatan perseorangan bertujuan merapatkan jurang perbezaan antara golongan luar bandar dengan golongan bandar. Zakat bertujuan menyucikan harta benda penganut Islam. KWSP bertujuan menjamin hari tua pekerja. PERKESO bertujuan melindungi dan memberi jaminan sosial kepada pekerja apabila berlaku kejadian di luar jangka. KWSP membolehkan pekerja meniggakkan sejumlah wang PERKESO untuk mendapat bantuan kebajikan & cukai pendapatan perseorangan berfungsi sebagai hari kerajaan untuk melatukan pembangunan negara. PERKESO juga memberi ^{bantuan kewangan} ~~kemudahan~~ atau ^{bantuan} vokalional kepada pekerja yang cedera ~~di~~ semasa bekerja untuk sembuh. KWSP membolehkan pekerja meniggakkan sejumlah wang kepada waris setelah meninggal dunia.

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan sebab-sebab potongan wajib dengan tepat dan mencukupi

(d) Cukai pendapatan.
 • sebagai sebahagian hasil kerajaan.
 zakat.
 Dapat menyucikan hati manusia dan juga mengurangkan jurang pendapatan antara golongan miskin dan golongan kaya.

Jawapan calon masih dapat menjelaskan sebab potongan wajib tetapi tidak mencukupi.

(d) Sebab-sebab potongan wajib dikenakan ke atas individu ialah
 - supaya calon membayar caruman yang ditetapkan
 - untuk kebaikan masa depan hadapan individu.
 - supaya zakat ~~ada~~ tidak terkeluar dari senarai penting:

Jawapan calon sekadar berdasarkan logik akal dan tidak berkaitan dengan sebab-sebab potongan wajib dilakukan.

SOALAN 2

2(a) Trend orang muda sekarang yang sering menukar kereta model baharu tetapi tidak memberi keutamaan memiliki rumah kediaman merupakan suatu yang tidak boleh menjadi ikutan.

Beri pendapat anda tentang pernyataan di atas.

Bagi soalan 2(a) calon diminta memberi pendapat tentang trend orang muda sekarang yang memberi lebih keutamaan kepada barang kehendak berbanding barang keperluan.

2 (a) Ya, saya setuju

- keperluan lebih penting berbanding kehendak
- kereta yang biasa juga boleh di nairi
- rumah ialah keperluan paling asas
- menukar kereta model menyebabkan berhutang dan pembaziran
- rumah diperlukan untuk terus hidup
- sekiranya tiada kereta masih boleh terus hidup
- rumah perlu ada pada setiap individu
- keperluan adalah sama dengan individu lain.

Jawapan calon dapat memberi pendapat yang sesuai dan tepat dan mencukupi berdasarkan pernyataan yang diberi.

a) Pada pendapat saya, trend tersebut tidak boleh menjadi ikutan kerana rumah kediaman mempunyai potensi yang lebih banyak ~~wa~~ dalam penambahan nilai. Kereta akan disusut nilai mengikut tahun. Membeli rumah kediaman merupakan pelaburan yang bijak. Rumah tersebut boleh disewa kepada orang lain dan menambahkan pendapatan individu. Sikap yang sering menukar kereta model baharu merupakan tindakan yang sangat membazir.

Jawapan yang sederhana dapat memberi beberapa pendapat yang sesuai tetapi tidak mencukupi.

2(a) Pada pendapat saya, orang muda sekarang tidak patut menukar kereta model baharu berbanding memiliki rumah kediaman kerana kita sepatutnya memiliki rumah kediaman yang merupakan suatu keperluan berbanding dengan kereta model baharu yang hanya untuk memaksimumkan kepuasan.

Jawapan calon dapat memberi hanya satu alasan bagi menyokong pendapat yang dikemukakan.

(b) Jelaskan hukum permintaan dengan menggunakan jadual yang sesuai.

Soalan 2(b) calon dikehendaki membina jadual dan menjelaskan hukum permintaan berdasarkan jadual tersebut.

b)	Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (unit)
	3	10
	4	8
	5	6

Hukum permintaan menerangkan apabila harga naik, kuantiti diminta turun ^{dan sebaliknya} seperti yang ditunjukkan jadual di atas. Apabila harga naik daripada RM3 ke RM4, kuantiti diminta menurun daripada 10 unit kepada 8 unit. Sebaliknya, apabila harga turun daripada RM5 ke RM4, kuantiti diminta meningkat daripada 6 unit kepada 8 unit. Hubungan antara harga dengan kuantiti diminta bersifat negatif atau songsang.

Jawapan calon dapat mengemukakan jadual permintaan dengan tepat selaras dengan hukum permintaan. Jawapan calon lengkap dengan penjelasan yang tepat dan mencukupi.

2b	Jenis barang	Peratus perubahan kty diminta	Peratus perubahan harga
	A	5	10
	B	10	5

- Apabila harga barang A bertambah, kuantiti big A akan turun
- Hal ini menunjukkan hubungan adalah negatif
- Apabila harga barang B menurun, kuantiti barang B akan bertambah
- Hal ini adalah hubungan songsang

Jawapan calon mengemukakan jadual permintaan tetapi kurang tepat selaras dengan hukum permintaan. Terdapat penjelasan tentang hukum permintaan yang tepat tetapi tidak mencukupi.

2(b)	Hukum permintaan apabila harga sesuatu barang naik, kuantiti yang diminta hendaklah berkurang.
------	------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang lemah tidak mengemukakan jadual permintaan seperti yang dikehendaki dalam soalan. Calon hanya memberi satu huraian yang tepat.

(c) Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi suatu barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta	Peratus Perubahan Harga
R	10	5

Jadual 1

- (i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut.
- (ii) Strategi pengeluar menaikkan harga barang tersebut untuk memaksimumkan hasil adalah tidak wajar.
Berikan hujah anda secara terperinci.

Soalan 2(c)(i) calon diminta menghitung nilai keanjalan harga bagi barang R manakala soalan 2(c)(ii) calon dikehendaki memberi hujah secara terperinci tentang alasan yang tidak menyokong strategi pengeluar menaikkan harga barang tersebut untuk memaksimumkan hasil.

$$\begin{aligned}
 \text{c(i) nilai keanjalan harga} &= \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P} \\
 &= \frac{10}{5} \\
 &= 2. \text{ (anjalan)}.
 \end{aligned}$$

Jawapan yang cemerlang dapat memberi rumus serta jalan kerja dengan tepat.

$$\begin{aligned}
 2 \text{ cii) Nilai keanjalan} &= \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti}}{\text{Peratus perubahan harga}} \\
 &= \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P} \\
 &= \frac{10}{5} \\
 &= \text{Rm } 2 *
 \end{aligned}$$

Jawapan calon dapat mengemukakan rumus dan jalan kerja dengan tepat. Walau bagaimanapun, calon gagal mendapat markah pada jawapan akhir kerana kesilapan meletakkan unit RM.

$$\begin{aligned}
 2 \text{ cii) } &\frac{10-5}{5} \\
 &= 1 \\
 &\text{anjai 1}
 \end{aligned}$$

Jawapan yang dikemukakan oleh calon gagal memberi rumus, jalan kerja dan jawapan dengan tepat.

cii) Strategi pengeluar menaikkan harga adalah tidak wajar. Hal ini demikian kerana nilai keanjalan harga permintaan ^{barang tersebut} adalah 2, iaitu anjai.
 Hal ini telah menunjukkan bahawa peratus perubahan kuantiti diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga. Iaitu penurunan harga yang sedikit akan membawa peningkatan kuantiti diminta yang banyak, ini telah menunjukkan pengguna sangat responsif terhadap penurunan harga. Oleh itu, pengeluar seharusnya menurunkan harga dan bukan menaikkan harga untuk memaksimumkan hasil.

Jawapan calon dapat mengemukakan strategi dengan tepat disertai oleh hujah terperinci dan mencukupi.

2(c) (ii) - Nilai keanjalan harga permintaan barang ialah 2
 - $\epsilon_p = 2$
 - Adalah anjal
 - pengeluar sepatutnya menurunkan harga barang

Jawapan calon yang sederhana dapat mengenal pasti strategi yang perlu diambil oleh pengeluar dengan tepat tetapi hanya mengemukakan satu alasan

2(c) (ii) Bagi saya, pengeluar patut menurunkan harga untuk menambahkan permintaan barangan supaya ramai orang membelinya. Seterusnya, secara perlahan-lahan menaikkan harga agar dapat memaksimumkan hasil dengan baik:

Jawapan calon dapat mengenal pasti strategi tetapi tidak dapat mengemukakan sebarang alasan.


(d) Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)
10	40
30	100
40	120


Jadual 2

- (i) Lukis keluk penawaran bagi barang tersebut di atas kertas graf yang disediakan.
 (ii) Jelaskan pembentukan keluk di 2(d)(i).


Soalan 2(d)(i) calon diminta melukiskan keluk penawaran berdasarkan jadual diberi, manakala bagi soalan 2(d)(ii) calon dikehendaki menjelaskan pembentukan keluk penawaran.



Jawapan calon yang cemerlang, rajah keluk penawaran yang dilukis lengkap dengan paksi, koordinat dan label yang tepat.



Rajah keluk penawaran yang dilukis tidak lengkap, salah skala dan salah label.



Pembentukan keluk penawaran tidak dapat dihasilkan.

d) i) Rujuk Graf
ii) Keluk di atas menunjuk kepada keluk penawaran. Apabila harga barang RM10, kuantiti yang ditawarkan ialah 40 unit seperti yang ditunjukkan pada titik X. Apabila harga meningkat ke RM30, kuantiti yang ditawarkan ialah 100 unit seperti yang ditunjukkan pada titik Y. Apabila harga barang ialah RM40, kuantiti yang ditawarkan ialah 120 unit seperti yang ditunjukkan pada titik Z. Apabila titik-titik X, Y, Z, disambungkan, suatu keluk penawaran yang mencerun ke atas dan kiri ke kanan terbentuk. Hubungan antara harga barang dengan kuantiti ditawarkan bersifat positif, iaitu apabila harga naik, kuantiti ditawarkan juga naik.

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan pembentukan keluk penawaran dengan lengkap, tepat dan mencukupi.

2(d) cii) Keluk penawaran akan dilukis dengan paksi x iaitu kuantiti ditawarkan dan paksi y iaitu harga (RM). Jika harga RM 10 kuantiti ditawarkan ialah 40. Apabila harga RM 30 kuantiti ditawarkan meningkat 60 unit iaitu 100. Apabila harga RM 40 kuantiti ditawarkan terus meningkat 20 unit iaitu 120. Graf ini menggambarkan keluk bercurvan dari atas ke bawah dan dari kanan ke kiri. Graf ini menunjukkan keluk penawaran wujud.

Jawapan calon masih dapat menjelaskan pembentukan keluk penawaran tetapi huraian tidak mencukupi

2 d cii)

- keluk perubahan penawaran
- bergerak atas keluk itu sendiri
- perubahan keluk tersebut kerana harga barang itu sendiri

Jawapan calon tidak dapat menjelaskan pembentukan keluk penawaran.

3(a) Jelaskan konsep pasaran.

Bagi soalan 3(a) calon dikehendaki menjelaskan konsep pasaran.

(a) Pasaran ialah situasi yang di mana penjual dan pembeli bertemu untuk menjalankan urusan niaga secara langsung atau secara tidak langsung. Pasaran dapat diwujudkan apabila terdapat barang atau perkhidmatan yang dikehendaki oleh pengguna. Selain itu, tingkat harga barang dan perkhidmatan diperlukan. Pasaran juga memerlukan penjual dan pembeli barang dan perkhidmatan. Pasaran boleh dibahagikan kepada pasaran faktor dan pasaran barang.

Jawapan calon dapat menjelaskan konsep pasaran dengan tepat dan mencukupi.

3(a) - Pasaran ialah satu situasi yang membolehkan penjual dan pembeli berinteraksi mempunyai penjual dan pembeli.

- Pasaran telah dibahagi kepada dua, iaitu pasaran langsung dan pasaran tidak langsung.

Jawapan yang sederhana masih dapat menjelaskan sebahagian daripada konsep pasaran tetapi tidak mencukupi.

3(a) Konsep pasaran adalah pasaran barangan dan pasaran faktor. Selain itu, adalah isi rumah dan firma dan aliran fizikal dan aliran wang untuk perkhidmatan dan barang atau perbelanjaan.

Jawapan calon hanya mampu memberi contoh pasaran sahaja, tetapi tidak dapat menjelaskan konsep pasaran.

(b) Jelaskan peranan isi rumah dan firma dalam aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

Soalan 3(b) calon diminta menjelaskan peranan isi rumah dan firma dalam aliran pendapatan ekonomi dua sektor.

(b)	- Isi rumah membekalkan faktor pengeluaran seperti tanah, buruh, modal melalui pasaran faktor kepada firma. Ini ditunjuk dalam aliran fizikal
	- Isi rumah akan menerima gajaran faktor pengeluaran seperti sewa sewa, upah, faedah melalui pasaran faktor daripada firma. Ini ditunjuk dalam aliran wang
	- Firma akan mengeluarkan barang dan perkhidmatan kepada isi rumah melalui pasaran barang. Ini ditunjuk dalam aliran fizikal
	- Firma akan menerima perbelanjaan penggunaan daripada isi rumah melalui pasaran barang. Ini ditunjuk dalam aliran wang.

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan peranan isi rumah dan firma dalam aliran pendapatan ekonomi dua sektor dengan tepat, lengkap dan terperinci.

3(b)	Peranan isi rumah
	- pembekal mengeluarkan faktor-faktor ekonomi
	- pengguna barang dan perkhidmatan.
	Peranan firma
	- memaksimumkan keuntungan.

Jawapan calon hanya dapat menjelaskan peranan isi rumah dengan tepat tetapi gagal menjelaskan peranan firma.

3(b)	Jelaskan peranan isi rumah dan firma dalam aliran ^{pusyungan} pendapatan ekonomi 2 sektor.
	- membuat barangan dan perkhidmatan
	- memaksimumkan kegunaan
	- mendapat faedah

Jawapan calon adalah umum dan tidak relevan dengan peranan isi rumah dan firma dalam aliran pendapatan ekonomi dua sektor.

(c) Perbualan berikut berkaitan dengan urusan niaga kereta.

Penjual:	Bersetujukah encik nak beli kereta ini?
Azham:	Saya bersetuju tapi saya nak bayar dalam tempoh tujuh (7) tahun. Boleh ke?
Penjual:	Boleh, encik bayar deposit RM5 000 dan bayar setiap bulan RM500 sahaja.
Azham:	Baiklah, saya akan tulis cek sekarang.

(i) Huraikan fungsi wang dalam urusan niaga di atas.

(ii) Bagaimanakah Azham boleh menjelaskan bayaran bulannya?

Kemukakan alasan anda.

Soalan 3(c)(i) calon dikehendaki menghuraikan fungsi wang dalam urusan niaga di antara penjual dan Azham melalui petikan di atas, manakala soalan 3(c)(ii) calon diminta mengemukakan alasan cara Azham menjelaskan bayaran bulanan dalam urusan niaga kereta.

(c) (i) Fungsi wang ialah sebagai alat ^{perantaraan} pertukaran. Encik Azham menggunakan wang yang diterima umum untuk membeli kereta. Selain itu, wang sebagai alat ukuran nilai. Kereta yang ~~hanya~~ hendak dibeli oleh Azham dapat dinilai dalam bentuk harga iaitu jumlahnya RM1500. Wang sebagai alat bayaran tertunda. Encik Azham dapat menggunakan kereta ~~sekarang~~ pada masa ~~sebarang~~ dan menamat bayaran ~~pa~~ pada masa depan secara angsuran iaitu RM500 sebulan.

Jawapan calon yang cemerlang dapat memberi fakta dengan tepat dan mengemukakan alasan dengan terperinci.

3(c) i - fungsi wang dalam urusan niaga di atas:

- Alat bayaran tertunda - membolehkan Azham membayar dalam tempoh 7 tahun.
- ~~Alat ukuran nilai~~ - boleh bayar secara angsuran

Jawapan calon hanya dapat menghuraikan fakta tetapi memberi keterangan yang tidak mencukupi.

3(c) i - Alat umum diterima.

- Alat faedah simpanan
- Alat ukuran

Jawapan calon mengemukakan fungsi wang yang tidak relevan dengan stimulus/bahan rangsangan.

(ii) Azham boleh menjelaskan bayaran bulannya dengan menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank perdagangan. Antaranya ialah perintah sedia ada. Perintah sedia ada ialah arahan pemegang akaun tabungan dan akaun tetap kepada bank untuk membuat bayaran tetap yang berulang pada tarikh yang tetap. Selain itu, Azham boleh menggunakan perkhidmatan teleperbankan. Azham boleh membiayai bayarannya melalui ~~transaksi~~ transaksi telefon yang ditawarkan oleh bank perdagangan. Seterusnya, Azham boleh menggunakan perkhidmatan internet. Bayaran bulannya boleh dijelaskan dengan melayari akaun di internet dengan pin nombor tertentu. Azham juga boleh menggunakan ~~perintah~~ draft bank iaitu cek yang dikeluarkan oleh bank atas permintaannya untuk membuat ~~bayaran~~ bayaran kepada pihak tertentu.

Jawapan yang cemerlang dapat mengemukakan alasan yang sesuai dengan stimulus dengan tepat, jelas dan mencukupi.

(ii) ~~Perintah~~ melalui Arahan kepada bank.

~~Perintah~~ Perintah Sedia Ada

- Encik Azham ~~boleh~~ boleh mengarahkan bank perdagangan membuat bayaran ansuran keretanya setiap bulan pada ~~ke~~ amaun yang ditetapkan, iaitu RM500 dan pada tarikh yang ditetapkan

Debit Langsung

- Encik Azham juga boleh mengarahkan bank perdagangan membuat bayaran ancuran keretanya setiap bulan pada tarikh yang berbeza.

Kad kredit

- Encik Azham boleh membayar ansuran ~~perintah~~ keretanya melalui kad kredit, ~~tetapi~~ tetapi dikenakan faedah.

Kad ATM


- Encik Azham boleh menggunakan kad ATM untuk mengeluarkan wang daripada akaunnya untuk membayar ansuran keretanya, iaitu RM500 sebulan

Jawapan yang sederhana masih dapat mengemukakan alasan yang tepat tetapi tidak mencukupi.

3(c) (ii) Alasan saya ialah Azham boleh berusaha dalam pekerjaan untuk membayar kereta setiap bulan RM 500. Seterusnya, Azham boleh membuat satu buluh untuk perbelanjaannya sendiri. Selain itu Azham boleh setiap bulan masuk RM 500 ke bank untuk bayar kereta. Di samping itu Azham boleh bersungguh-sungguh dalam kerja boleh mendapat gaji tinggi. Seterusnya, Azham perlu mengadakan 2 pekerja untuk membayar RM 500

Jawapan yang lemah bersifat umum dan tidak menepati kehendak soalan.

(d) Gambar 2 dan Gambar 3 menunjukkan dua jenis wang.



Gambar 2



Gambar 3

- (i) Nyatakan jenis wang pada Gambar 2.
- (ii) Bandingkan antara kedua-dua jenis wang tersebut.

Soalan 3(d)(i) calon diminta menyatakan jenis wang pada gambar 2 dan gambar 3, manakala soalan 3(d)(ii) calon dikehendaki menyatakan persamaan dan perbezaan antara deposit semasa dan wang kertas.

(d)(i) Deposit semasa

Jawapan yang cemerlang dapat menyatakan jenis wang dengan tepat berdasarkan stimulus.

3(d)(i) Jenis wang pd. gambar 2 ialah deposit.

Jawapan yang lemah dan tidak tepat.

3(d)(ii)		
	Persamaan	
	- sebagai alat perantaraan pertukaran	
	- mempunyai nilai yang stabil	
	- mudah dibawa.	
	- nilai yang sama	
	Perbezaan.	
	Gambar 2	Gambar 3
	Dikenali sebagai wang bank atau deposit ^{wang semasa} semasa	Di kenali sebagai wang kertas wang
	Bukan wang sah	Wang sah
	Tidak diterima umum	di terima oleh ^{umum} semua
	Tidak dijamin oleh kerajaan	dijamin oleh kerajaan.

Jawapan yang cemerlang dapat mengemukakan persamaan dan perbezaan kedua-dua jenis wang dengan jelas, tepat dan mencukupi.

(d)(ii) Deposit semasa membolehkan pembayaran secara cek manakala wang kertas tidak membolehkan pembayaran secara cek. Wang kertas dikeluarkan oleh bank pusat manakala deposit semasa disediakan oleh bank perdagangan. Wang kertas merupakan wang sah manakala deposit semasa bukan wang sah. Wang kertas merupakan wang tanda manakala deposit semasa bukan wang tanda.

Jawapan yang sederhana hanya dapat mengemukakan perbezaan tanpa mengemukakan persamaan bagi kedua-dua jenis wang.

3d.	(ii) Gambar 2 merupakan deposit dan Gambar 3 merupakan wang kertas. Gambar 2 tidak diiktiraf sebagai wang tanda manakala gambar 3 diiktiraf sebagai wang tanda.
-----	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan calon tidak mengemukakan persamaan dan perbezaan tetapi menjelaskan satu jenis wang iaitu wang kertas.

4(a) Bagaimanakah Lembaga Tabung Haji membantu kerajaan menstabilkan ekonomi negara?

Bagi soalan 4(a) calon dikehendaki menghuraikan Lembaga Tabung Haji dapat membantu kerajaan menstabilkan ekonomi negara.

a)	Lembaga Tabung Haji menerima simpanan daripada orang Islam yang ingin menunaikan haji di Mekah. Simpanan ini dapat mengelakkan inflasi berlaku. Lembaga Tabung Haji juga menyumbang sumber modal kepada pihak kerajaan. Lembaga Tabung Haji memberi dividen kepada penabung. Dividen ini dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan mengelak kemiskinan ekonomi berlaku.
----	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang lemah tidak dapat menjelaskan cara bagaimana Lembaga Tabung Haji membantu kerajaan menstabilkan ekonomi negara. Jawapan yang dikemukakan adalah tidak berkaitan dengan kehendak soalan.

(b) Senaraikan lima hasil bukan cukai kerajaan.

Soalan 4(b) calon diminta menyenaraikan lima hasil bukan cukai kerajaan

4b.	Lima hasil bukan cukai kerajaan :
	(i) Lesen dan permit
	(ii) Bayaran perkhidmatan
	(iii) pendapatan pelaburan
	(iv) Royalti petroleum
	(v) Bayaran tunai gas
	(vi) Dividen petronas

Jawapan yang cemerlang dapat menyenaraikan hasil bukan cukai dengan lengkap dan mencukupi

lima hasil bukan cukai ialah
b) lesen dan permit, denda dan royalti, pendapatan pelaburan, sekuntai kerajaan, bon dan nota terapan.

Jawapan yang sederhana dapat menyenaraikan dengan lengkap hasil bukan cukai kerajaan tetapi tidak cukup lengkap.

4(b) lima hasil Bukan cukai kerajaan
- Duti eksais
- Duti eksport
- Duti import
- Duti entrepot
- Duti perkhidmatan -

Jawapan calon tidak dapat menyenaraikan hasil bukan kerajaan. Jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak relevan.

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pinjaman kerajaan.

Bagi melaksanakan projek pembangunan negara, kerajaan telah mendapat tawaran pinjaman dari beberapa institusi kewangan antarabangsa. Namun begitu tawaran tersebut ditolak. Kerajaan membuat keputusan untuk mendapatkan pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Mengapakah kerajaan membuat keputusan tersebut?

Soalan 4(c) calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab kerajaan membuat keputusan memilih sumber pinjaman dalam negeri berbanding pinjaman luar negara.

(c) Kerajaan membuat keputusan memperoleh pinjaman dalam negeri kerana tidak dipengaruhi oleh kadar pertukaran asing. Oleh itu, beban hutang tidak ditambah. Seterusnya pinjaman dalam negeri tidak melibatkan pengaliran wang keluar kerana semua bayaran pokok dan faedah pinjaman dibayar di dalam negeri. Oleh itu, kestabilan nilai RM terjamin. Pinjaman dalam negeri juga tidak dikenakan faedah yang tinggi. Kesannya, kerajaan tidak perlu meningkatkan cukai pendapatan perseorangan untuk membebankan rakyat. Seterusnya, syarat pinjaman dalam negeri lebih longgar, menyebabkan pinjaman senang diperolehi tanpa tekanan asing.

Jawapan yang cemerlang dapat mengemukakan sebab-sebab kerajaan memilih pinjaman dalam negeri dan menghuraikan keburukan pinjaman luar negara dengan jelas, tepat dan mencukupi.

(C)	Syarat pinjaman lebih mudah dan fleksibel.
	- kerajaan mendapat pinjaman pinjaman dengan lebih mudah jika membuat pinjaman dalam negara kerana syarat pinjaman adalah lebih mudah dan fleksibel berbanding dengan sa syarat pinjaman luar negara yang lebih rumit dan ketat.
	kadar faedah yang lebih rendah
	kadar faedah pinjaman pinjaman dalam negara adalah lebih rendah daripada kadar faedah pinjaman luar negara kerana tidak dipengaruhi dengan kadar pertukaran asing.
	pertukaran asing.
	- pinjaman dalam negara negara adalah lebih baik kerana tidak dijejaskan dengan kadar pertukaran asing, maka dapat menjimat sejumlah wang apabila bayaran balik pinjaman dilakukan.

Jawapan yang sederhana masih dapat mengemukakan sebab-sebab kerajaan memilih pinjaman dalam negeri dan menghuraikan keburukan pinjaman luar negara dengan jelas dan tepat tetapi tidak mencukupi.

4	(c) Kerajaan membuat keputusan untuk mendapat pinjaman daripada KWSP adalah kerana faedah bayaran yang lebih rendah. Pinjaman daripada institusi kewangan antarabangsa memerlukan faedah bayaran balik yang tinggi dan jangka masa yang diberi untuk membayar balik adalah sedikit. Di samping itu, pinjaman yang dipinjam oleh KWSP adalah lebih banyak berbanding institusi kewangan antarabangsa.
---	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang lemah bersifat umum, tidak jelas dan tidak relevan.

(d) Jelaskan tujuan belanjawan negara Malaysia dibentangkan pada setiap tahun.

Soalan 4(d) calon dikehendaki menjelaskan tujuan belanjawan negara Malaysia.

(d)	- untuk menstabilkan ekonomi negara
	- untuk menganggarkan hasil dan merancang perbelanjaan negara
	- untuk memasti tidak berlakunya inflasi atau deflasi

Jawapan calon dapat menjelaskan tujuan belanjawan negara dengan tepat, jelas dan mencukupi.

d)	Tujuan belanjawan negara Malaysia ialah menghalang perbelanjaan yang tidak perlu. Selain itu ialah untuk memastikan kerajaan berbelanja mengikut kemampuan dan hasil negara.
----	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang sederhana masih dapat menjelas tujuan belanjawan negara dengan tepat tetapi tidak mencukupi.

(d)	- untuk memben'tahu rakyat tentang keadaan ekonomi negara.
	- supaya orang ramai dapat merancang perbelanjaan mereka
	- kerajaan dapat memperkenalkan sistem cukai yang baik jika berlaku situasi seperti inflasi.

Jawapan yang lemah dikemukakan oleh calon tidak relevan dengan kehendak soalan.

(e) Bil perbendaharaan dan surat jaminan kerajaan merupakan dua cara kerajaan meminjam daripada sumber dalam negara.

Bandingkan antara kedua-dua cara pinjaman kerajaan tersebut.

Soalan 4(e) calon dikehendaki menyatakan persamaan dan perbezaan pinjaman kerajaan melalui bil perbendaharaan dan surat jaminan kerajaan.

46) Perbezaan	
Bil Perbendaharaan	Surat Jaminan Kerajaan
- merupakan pinjaman jangka pendek	- merupakan pinjaman jangka panjang
- ditawarkan pada nilai diskau atau nilai muka	- ditawarkan pada nilai muka
- tidak terlibat apabila berlaku ketidakstabilan ekonomi	- Terlibat apabila berlaku kestabilan ekonomi
Persamaan:	
- Bil Perbendaharaan dan surat jaminan kerajaan di langgan oleh institusi-institusi kewangan seperti KWSP, bank perdagangan dan lain-lain.	
- kedua-duanya dikeluarkan oleh kerajaan untuk mendapat pinjaman	
- kedua-duanya merupakan pinjaman dalam negeri	
- kedua-dua mendapat faedah daripada kerajaan.	

Jawapan yang cemerlang dapat memberi persamaan dan perbezaan bagi kedua-dua cara pinjaman kerajaan dengan jelas dan tepat.

(a) Bil Perbendaharaan
- pinjaman jangka pendek
- diper dijual kepada orang lain individu dan bank perdagangan
- dijual pada harga diskau
- pinjaman dalam negara
- syarat mudah dan fleksibel
Surat Jaminan kerajaan
- pinjaman jangka panjang
- dijual kepada individu dan bank bank perdagangan
- dijual pada harga muka
- pinjaman dalam negara
- syarat mudah dan fleksibel.

Jawapan yang sederhana hanya mengemukakan perbezaan bagi kedua-dua cara pinjaman tepat tetapi tidak memberi persamaan.

(e)	Bil perbendaharaan tidak melebihi setahun	Tempoh meminjam	Surat jaminan kerajaan mesti melebihi satu tahun.
-----	----------------------------------------------	--------------------	---------------------------------------------------------

Jawapan yang lemah kerana hanya mengemukakan satu perbezaan sahaja antara kedua-dua cara pinjaman.

5 (a) Jelaskan keburukan perdagangan antarabangsa kepada negara.

Bagi soalan 5(a) calon dikehendaki menjelaskan keburukan perdagangan antarabangsa kepada negara.

(a)	Keburukan perdagangan antarabangsa kepada negara ialah akan merugikan negara membangun. Hal ini kerana harga barang eksport lebih rendah daripada harga barang import. Selain itu, perdagangan antarabangsa mengakibatkan ^{pengamatan} pengkhawasan yang berlebihan. Pertumbuhan ekonomi negara itu mudah terjejas jika barang ditukus tersebut mengalami kekurangan permintaan di pasaran antarabangsa. Setemunya, negara akan terlalu bergantung pada sektor import dan sektor eksport. Tambahan pula, budaya yang tidak sihat dari negara asing akan tersebar di negara kita. Di samping itu, dasar perlindungan dampakkan menyebarkan industri tempatan kurang cekap. Akhir sekali, aktiviti lambatan akan berlaku.
-----	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan keburukan perdagangan antara bangsa secara terperinci dan mencukupi.

5(a)	Keburukan perdagangan antarabangsa kepada negara: <ul style="list-style-type: none"> - terlalu bergantung dengan import dan eksport. - Akan mendatangkan budaya yang buruk dari negara barat. - melibatkan kadar pertukaran asing - permintaan barg. antara bangsa lebih tinggi dari barang antara bangsa - jika nilai import melebihi nilai eksport, imbalan dagangan akan merosot.
------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang sederhana masih dapat menjelaskan keburukan dengan tepat tetapi tidak mencukupi.

5ca) Keburukan perdagangan antarabangsa kepada negara ialah wang negara kita akan mengalir ke negara lain. Ia akan mengakibatkan negara kita menghadapi masalah kekurangan wang. Selain itu, syarikat tempatan di Malaysia akan hilang peluang untuk berkembang. Seferusnya, perdagangan antarabangsa akan menyebabkan imbalan perdagangan negara kita bertambah buruk.

Jawapan yang lemah, gagal mengemukakan keburukan perdagangan antarabangsa sebaliknya menjelaskan jawapan secara umum dan tidak relevan dengan kehendak soalan.

(b) Jadual 3 menunjukkan penyata imbalan pembayaran sebuah negara pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport minyak sawit	800
Eksport kayu balak	700
Import jentera	300
Import alat ganti pengangkutan	350
Urus niaga kerajaan	-70
Tambang dan insurans	-580
Perjalanan	-100
Pendapatan bersih	-55
Pelancongan	-30
Pindahan bersih	-150

Jadual 3

- (i) Jelaskan maksud imbalan pembayaran sesebuah negara.
- (ii) Apakah dua butiran yang terdapat dalam akaun perkhidmatan?
- (iii) Hitung Imbalan Akaun Semasa bagi negara tersebut.

[Gunakan rumus:

Imbalan Akaun Semasa = Imbalan Akaun Dagangan + Imbalan Akaun Perkhidmatan + Imbalan Akaun Pendapatan + Pindahan Semasa Bersih]

Soalan 5(b)(i) calon dikehendaki menjelaskan maksud imbalan pembayaran, dan 5(b)(ii) meminta calon memberikan dua butiran yang terdapat dalam imbalan pembayaran. Bagi soalan 5(b)(iii) calon dikehendaki menghitung Imbalan Akaun Semasa.

(b) (i) Imbangan pembayaran ialah penyata yang merekodkan jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran sebuah negara untuk ~~satu~~ tempoh satu tahun.

Jawapan calon dapat menjelaskan maksud imbangan pembayaran dengan jelas dan tepat.

(b)(i) ~~Akaun~~ Imbangan pembayaran ialah ^{perbezaan} nilai ~~penerimaan~~ ^{eksport} barang nampak dengan nilai import barang nampak.

Jawapan yang lemah tidak dapat menjelaskan maksud imbangan pembayaran dengan tepat. Jawapan yang diberi adalah tidak relevan dengan maksud imbangan pembayaran.

(b)(ii) Butiran :
- Perjalanan
- urus niaga kerajaan

Jawapan yang cemerlang dapat mengenal pasti dua butiran dalam akaun perkhidmatan dengan tepat dan mencukupi.

(ii) Perancangan : Pendidikan.

Jawapan calon dapat mengenal pasti satu sahaja butiran yang tepat dalam akaun perkhidmatan .

(b)(ii) Perintah sedia ada dan debit langsung.

Jawapan yang lemah tidak dapat mengenal pasti butiran akaun perkhidmatan dan mengemukakan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan.

(b)(iii) Imbangan Akaun Dagangan = Nilai barang eksport - Nilai barang import
= RM(800 + 700 - 300 - 350) juta
= RM 850 juta.
Imbangan Akaun Perkhidmatan = urus niaga kerajaan + tambang dan insurans + perjalanan + pelancongan
= RM(-70 + (-580) - 100 - 30) juta
= - RM 780 juta.
Imbangan Akaun Semasa = Imbangan Akaun Dagangan + Imbangan Akaun Perkhidmatan + Imbangan Akaun Pendapatan + Imbangan Pindahan Semasa Bersih
= RM(850 - 780 + (-55) - 150) juta
= - RM 135 juta.

Jawapan yang cemerlang dapat menggunakan rumus, menunjukkan jalan kerja yang sistematik dan memberi jawapan akhir yang tepat.

5(b)(iii) (RM800 + 700 - 300 - 350) + (-70) + (-530) + (-100) + (-55) + (-30) + (-150)
= RM - 85 juta.

Jawapan yang sederhana menggunakan rumus yang diberi dengan betul, tetapi berlaku kesilapan memindah maklumat iaitu angka bagi butiran tambang dan insurans, menyebabkan jawapan akhir tidak tepat.

5(b)	(iii)	
		imbangan akaun dagangan RM 2150 juta
		imbangan akaun perkhidmatan RM 780 juta
		imbangan akaun pendapatan RM 55 juta
		+ pindahan semasa bersih RM 150 juta
		<u>imbangan akaun semasa RM 3135 juta</u>
		Imbangan akaun semasa = RM 3135 juta

Jawapan calon menggunakan rumus yang diberi tetapi mengemukakan jalan kerja yang salah bagi setiap butiran dalam akaun semasa.

1)

- (c) Sebagai usaha melindungi perusahaan kereta nasional, kerajaan telah mengawal kemasukan kereta import.

Bagaimanakah sekatan perdagangan antarabangsa membantu merealisasikan usaha tersebut? Beri hujah anda secara terperinci.

Soalan 5(c) meminta calon memberi hujah secara terperinci bagaimana sekatan perdagangan antarabangsa dapat membantu melindungi perusahaan kereta nasional.

(c) Tarif Duti import merupakan cukai yang dikenakan atas barang yang import. Dengan adanya duti import, harga kereta import akan naik, maka penawaran dan permintaan terhadap kereta import akan turun. Permintaan terhadap kereta nasional akan naik.
melalui kuota, kuantiti barang import ke negara kita akan dihadkan. Oleh itu, penawaran dan permintaan terhadap kereta import akan turun. Permintaan terhadap kereta nasional akan naik.

Jawapan yang cemerlang dapat mengemukakan hujah dengan cara menghurai setiap fakta yang diberikan secara mendalam dan terperinci.

5. c) Embargo. Kerajaan boleh mengelakkan pembekal Malaysia mengimport kereta dari luar negara seperti Jepun supaya melindungi perusahaan kereta nasional.

Tarif. Kerajaan boleh menambah cukai ke atas kereta yang import dari luar negara supaya bilangan kereta import

kuota. kerajaan boleh mengurangkan bilangan kereta luar negara import ke dalam negara kita supaya perusahaan kereta nasional dapat dilindungi.

Saya berpendapat bahawa jika eksport kereta ke luar ke negara kita ke luar negara kurang daripada kereta import dari luar negara, imbalan perdagangan negara kita akan menjadi negatif. Oleh itu, pihak kerajaan patut mengawal kereta luar.

Jawapan yang sederhana dapat mengemukakan hujah dengan memberi satu huraian sahaja bagi setiap fakta.

5(c) Dengan menaikkan kadar cukai duti import kepada negara lain. Ini akan menurunkan kadar import ke negara tersebut.

Jawapan calon hanya memberi satu fakta sahaja dan mengemukakan huraian yang kurang jelas.

- (d) Kenaikan dalam nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£) menyebabkan imbalan dagangan Malaysia cenderung merosot.
Jelaskan pernyataan tersebut.

Soalan 5(d) calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab imbalan dagangan Malaysia cenderung merosot kesan kenaikan dalam Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£).

5d)	Kenaikan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan imbalan dagangan Malaysia merosot kerana :
	• Kadar pertukaran asing akan meningkat.
	• Harga barang import menjadi murah.
	• Jumlah import bertambah.
	• Nilai import bertambah.
	• Harga barang eksport menjadi mahal.
	• Jumlah eksport berkurangan.
	• Nilai eksport berkurangan.
	• Nilai import melebihi nilai eksport
	• Imbalan dagangan Malaysia mewujudkan kurangan.

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan sebab-sebab kemerosotan imbalan dagangan dengan tepat, sistematik dan terperinci.

5 d)	kenaikan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan harga eksport meningkat. Barang eksport kemudian berkurangan. Rakyat akan membeli barang import dengan harga lebih murah. Import bertambah banyak. Imbalan dagangan merosot kerana import melebihi eksport.
------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------



Jawapan calon dapat menjelaskan beberapa sebab kemerosotan imbalan dagangan sahaja serta tidak teratur.

5d)	Ini kerana nilai wang Pound sterling lebih mahal dari Ringgit Malaysia.
-----	-------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang lemah tidak memberi respon kepada stimulus, tidak relevan dan tidak mengikut kehendak soalan.

- 6 Berikut adalah catatan kehidupan Encik Hazam bermula dari tamat persekolahan tingkatan lima sehingga bergelar menjadi seorang usahawan berjaya.



<p>Tahun 2013</p> <p>Menerima anugerah Tokoh Usahawan Jaya</p>	<p>◆ Berhasrat untuk membesarkan perniagaan sedia ada atau menambah bidang perniagaan baharu.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p>Perniagaan Sedia Ada</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p>12 Ekar Kebun Getah Untuk Dijual Di Kg. Behor Chichar, Jalan Kaki Bukit</p>  <p>Getah tua berusia lebih 25 tahun 200 meter dari jalan utama Harga ditawarkan: RM80 000 seekar (Harga boleh dirunding)</p> <p>Perniagaan Baharu</p> </div> </div>
-----------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

(a) Mengapakah Encik Hazam memilih pekerjaan tersebut pada tahun 1981?

Bagi soalan 6(a) calon diminta memberikan sebab-sebab Encik Hazam memilih bekerja dengan orang lain berbanding bekerja sendiri.

(a) Encik Hazam memilih untuk bekerja sebagai pegawai pemasaran dengan Syarikat Bintang Sdn. Bhd kerana faktor upah. Upah yang ditawarkan oleh syarikat itu mungkin lebih tinggi daripada keuntungan yang diperolehi melalui perniagaan sendiri. Selain itu, faktor faedah sampingan. Syarikat Bintang Sdn. Bhd menawarkan faedah sampingan yang meningkatkan kualiti dan kebajikan hidupnya. Setidaknya ialah faktor suasana tempat kerja. Bekerja sebagai pegawai pemasaran lebih selesa daripada menjalankan perniagaan sendiri. Selain itu faktor minat. Encik Hazam lebih berminat untuk menjadi pegawai pemasaran. Akhirnya faktor prospek pekerjaan. Syarikat Bintang Sdn. Bhd menawarkan peluang kenaikan pangkat.

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan dengan lengkap, tepat dan terperinci sebab memilih bekerja dengan orang lain.

6a)	Sebab Encik Hazam memilih pekerjaan tersebut:
•	Encik Hazam tidak mahu menanggung risiko untuk menjalankan perniagaan sendiri.
•	Encik Hazam ingin mendapat pendapatan yang tetap kerana dia boleh mendapat upah yang tetap jika dia bekerja sebagai pegawai pemasaran.
•	Encik Hazam tidak mempunyai wang yang cukup untuk memulakan perniagaan burger.
•	Encik Hazam tidak mahir dalam menggabungkan faktor-faktor pengeluaran di dalam proses pengeluaran burger.
•	Pesaingan yang sangat berat akan dihadapi
•	Pesaingan pasaran burger akan dihadapi Encik Hazam maka dia memutuskan untuk menjalankan perniagaan burger.

Jawapan yang sederhana, masih dapat menjelaskan sebab memilih bekerja dengan orang lain tetapi tidak mencukupi. Kebanyakan alasan yang diberikan tidak relevan.

o	<p>(a) Kerana Encik Hazam berminat untuk bekerja dengan Syarikat Bintang SDN. BHD yang menjual beli kereta terpakai. Beliau berminat untuk membuka kedainya sendiri dan tidak mahu menggunakan wang bantuan yang diberi oleh Lembaga Zakat.</p>
---	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan calon hanya dapat memberi satu alasan yang tepat. Alasan yang lain, tidak tepat dengan kehendak soalan.

(b) Jelaskan kesan keputusan yang diambil oleh Encik Hazam pada tahun 1984 terhadap dirinya.

Soalan 6(b) calon diminta menjelaskan kesan keputusan Encik Hazam untuk belajar sambil bekerja.

6b) Kesan keputusan yang diambil oleh Encik Hazam:
• Encik Hazam dapat menambah ^{imn} pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan perniagaan.
• Pendapatan Encik Hazam akan akan bertambah kerana bekerja sambilan sebagai pembantu di sebuah restoran.
- Tabungannya juga akan bertambah akibat pendapatannya bertambah.
• Upah Encik Hazam akan bertambah kerana dia telah lama bekerja di Syarikat Bintang Sdn. Bhd. dan kuasa beli dia juga meningkat.
• Encik Hazam juga akan di diberi peluang untuk kenaikan pangkat di Syarikat Bintang Sdn. Bhd.

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan kesan dengan tepat, terperinci dan mencukupi.

6 (b) En. Hazam mendapat kemahiran pengalaman kerja yang lebih banyak. Dia juga dapat mempertingkatkan kemahirannya. Selain itu, dia juga dapat mempertingkatkan kualiti pengeluarannya pada masa depan. Dia juga berjaya mendapatkan pendidikannya kearah yang lebih tinggi. Dia juga dapat menambahkan per tabungannya dari pada lebih upah.

Jawapan yang sederhana hanya dapat menjelaskan beberapa kesan dengan tepat tetapi tidak mencukupi dan sering berulang.

6b) Kesan keputusan yang diambil oleh Encik Hazam pada tahun 1984.
- untuk menstabilkan wang sebagai perberlanjaan
- memilih kos yang tinggi
- mempunyai kos pengeluaran yang tetap
- menghasilkan pendapatan yang tinggi
- dapat keuntungan selepas jualan.

Jawapan calon hanya dapat mengemukakan satu kesan dengan tepat. Alasan lain yang dikemukakan adalah tidak relevan dengan kehendak soalan.

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah Encik Hazam berupaya meningkatkan keuntungan syarikat walaupun negara berada dalam keadaan ketidakstabilan ekonomi?

Soalan 6(c) calon dikehendaki mengemukakan pendapat cara Encik Hazam berupaya meningkatkan keuntungan syarikat walaupun negara berada dalam keadaan ketidakstabilan ekonomi.

6c) - Encik Hazam menurunkan harga kereta ~~kereta~~ supaya individu mampu membeli kereta.
 • Encik Hazam juga mengurangkan guna tenaga dalam syarikat dengan mengurangkan jumlah buruh.
 • Encik Hazam ~~dan~~ menurunkan jumlah jualan mengikut permintaan pasaran agar tidak menghadapi kerugian.

Jawapan cemerlang dapat mengemukakan pendapat dengan jelas, tepat, terperinci dan mencukupi.

6 (c) pada pendapat saya, encik Hazam berjaya meningkatkan keuntungan syarikat walaupun negara berada dalam ketidakstabilan ekonomi kerana, Dia mempunyai kebijaksanaan dalam perniagaan. Disamping itu juga memperolehi Diploma pengurusan perniagaan. Dan beliau juga telah menghadiri kursus Keusahawanan dan pengurusan kewangan. Dan mempunyai telah menguasai pasaran kereta terpakai

Jawapan sederhana dapat memberi dua pendapat sahaja dengan tepat. Alasan lain yang dikemukakan kurang jelas dan tidak relevan dengan kehendak soalan.

6 (c) Encik Hazam membuat keuntungan di negara tersebut untuk meningkatkan keupayaan syarikat tersebut. Encik Hazam telah mengeluarkan wang sebanyak mungkin untuk menstabilkan perniagaan tersebut ~~untuk~~ akan mendapatkan keuntungan dengan meningkatkan taraf hidup.

Jawapan calon mengemukakan pendapat yang tidak jelas dan penjelasannya tidak relevan dengan stimulus.

(d) Jelaskan kelebihan Encik Hazam bertindak demikian pada awal penubuhan syarikatnya.

Soalan 6(d) calon dikehendaki menjelaskan kelebihan-kelebihan Encik Hazam menggunakan tabungannya berbanding pinjaman sebagai modal penubuhan syarikatnya.

6	(d) Kelebihan Encik Hazam tidak menerima taburan pinjaman dari pihak bank MARA tetapi memilih untuk mengeluarkan wang tabungan sendiri ialah tidak harus bertanggung menanggung faedah pinjaman. Selain itu Encik Hazam lebih bebas dalam menjalankan perniagaannya. Seterusnya, kelebihan ialah dapat lebih mengambil keputusan perniagaan. Selain itu, segala keuntungan yang diperoleh juga keuntungan Encik Hazam. Encik Hazam juga boleh berdikari menubuhkan perniagaan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain.
---	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang cemerlang dapat menjelaskan kelebihan menggunakan tabungan sendiri dengan tepat, mencukupi dan relevan dengan stimulus.

6	d) Encik Hazam bertindak demikian kerana dapat mengelakkan beban faedah pinjaman dan bayaran baliknya. Selain itu, tujuan tabungan Encik Hazam adalah untuk menggunakan untuk memulakan perniagaan. Selain itu, Encik Hazam mempunyai tabungan yang cukup kerana ^{hanya} modal yang kecil diperlukan. Encik Hazam juga ingin mengurangkan hutang kepada pihak luar. Encik Hazam tidak perlu menampung pinjaman yang besar jika perniagaannya berdaya berjaya. Encik Hazam tidak perlu menghadapi masalah kelewatan bayaran balik pinjaman.
---	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang sederhana masih mampu mengemukakan tiga keterangan yang jelas bersesuaian dengan stimulus. Jawapan tidak mencukupi kerana memberi jawapan yang tidak relevan dan berulang.

- 6d) ~~Ke~~ Kelebihan Encik Hazam bertindak demikian :
- Encik Hazam tidak berhutang kepada pihak MARA.
 - Jika Encik Hazam membuat pinjaman, dia akan dikenakan faedah atas pinjaman.
 - Oleh itu, ~~gaji~~ pendapatan Encik Hazam akan berkurang jika dia membuat pinjaman.
 - Tabungannya Encik Hazam dapat digunakan untuk memulakan perniagaan tetapi bukan digunakan untuk memenuhi kehendak Encik Hazam.
 - Jika Encik Hazam membuat pinjaman maka dia perlu membayar balik pinjaman tetapi Encik Hazam menggunakan wang tabungannya sendiri maka dia perlu membayar balik kepada sesiapa.

Jawapan calon hanya mengemukakan dua keterangan yang jelas dan menepati dengan kehendak soalan. Banyak penjelasan yang dikemukakan sebagai jawapan adalah tidak relevan dengan kehendak soalan.

- (e) Cadangkan pilihan terbaik kepada Encik Hazam untuk memastikan perniagaannya memperoleh keuntungan maksimum pada tahun 2013.
Kemukakan alasan anda.

Soalan 6(e) calon diminta mencadangkan alasan-alasan terbaik untuk memastikan perniagaannya memperoleh keuntungan maksimum.

- (e) Encik Hazam sepatutnya memulakan perniagaan sedia ada. Hal ini demikian ~~ata~~ untuk mengekalkan permintaan yang sedia ada. Keuntungan yang diperolehi juga sudah stabil. Beliau tidak perlu meranggung risiko jika menghadapi kerugian di bidang baru. Beliau kurang berpengalaman dalam bidang baru. Modal yang sedia ada dapat membekalkan perniagaannya dengan berjaya. Perniagaan sedia ada mempunyai pasaran tertentu. Dia boleh mengembangkan pasarnya ke peringkat antarabangsa.

Jawapan yang cemerlang mengemukakan alasan terbaik dengan jelas, tepat dan mencukupi berdasarkan analisis stimulus.

- 6e) Perniagaan sedia ada kerana dapat membantu Encik Hazam memperoleh keuntungan maksimum.

Jawapan calon mampu mengemukakan alasan tetapi tidak mencukupi berdasarkan kehendak soalan.

6e)	Pilihan terbaik kepada Encik Hazam untuk memastikan perniagaannya memperoleh keuntungan maksimum ialah Encik Hazam boleh membuat simpanan tetap dalam akaun simpanan tetap. Akaun simpanan tetap merupakan akaun yang membayar faedah kepada pemegang akaun mengikut tempoh tertentu.
-----	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan calon tidak mampu memberi alasan yang sesuai dengan stimulus. Jawapan yang dikemukakan adalah umum dan tidak relevan.

(f) Apakah kesimpulan yang dapat anda nyatakan daripada keseluruhan maklumat yang diberi?

Soalan 6(f) calon diminta membuat kesimpulan tentang kerjaya Encik Hazam dari tahun 1981 hingga tahun 2013.

6(f)	Kesimpulannya ialah Encik Hazam merupakan usahawan yang berjaya, kreatif dan sanggup menanggung risiko untuk mendapat keuntungan dan kebajikan masyarakat.
------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang cemerlang dapat mengemukakan kesimpulan yang baik daripada keseluruhan maklumat yang diberikan dan sesuai dengan stimulus.

6(f)	Encik Hazami di tahun 2013 berhasrat untuk membesarkan perniagaan sedia ada atau menambah bidang perniagaan baharu.
------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan calon tidak dapat mengemukakan kesimpulan yang sesuai dengan stimulus.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu menguasai konsep, istilah dan fakta ekonomi dengan tepat.
2. Semua tajuk perlu dipelajari dan diberi perhatian yang sama kerana kebanyakan soalan ada kaitan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain.
3. Guna buku teks yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai bahan rujukan utama.
4. Biasakan diri merangka jawapan agar fakta dan huraian cukup serta tidak mengulangi fakta/huraian yang sama.
5. Jawab kedua-dua Bahagian, Bahagian A (3 soalan) dan satu soalan wajib di Bahagian B. Gunakan peruntukan markah bagi setiap ceraihan soalan sebagai panduan bagi menentukan jumlah fakta yang sepatutnya diberi dalam jawapan.
6. Jawapan perlu dikaitkan dengan bahan rangsangan yang diberi dalam soalan. Elakkan jawapan secara umum.
7. Gunakan laras bahasa/istilah ekonomi yang tepat.
8. Bagi soalan pengiraan, tulis rumus yang berkenaan, tunjukkan cara pengiraan dan beri jawapan yang tepat. Nyatakan 'unit' yang berkenaan dalam jawapan.
9. Perbanyakkan latihan sendiri terutamanya soalan-soalan SPM tahun-tahun lepas agar lebih terdedah dengan aras soalan peringkat SPM terutamanya soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi seperti mengaplikasi, membuat keputusan, menganalisis, menilai dan mencipta.
10. Perlu pembacaan yang luas tentang isu-isu ekonomi semasa peringkat negara atau global melalui media cetak atau elektronik agar mendapat pendedahan yang secukupnya tentang perkembangan dunia ekonomi dan kaitkan dengan teori ekonomi yang dipelajari.
11. Perlu memilih soalan dengan bijak untuk mendapat markah yang tinggi.
12. Mulakan ulangkaji semasa di Tingkatan 4 dan pastikan dapat menguasai sukatan pelajaran Tingkatan 4 sebelum memulakan pembelajaran di Tingkatan 5. Elakkan amalan mengulangkaji pada saat-saat akhir menjelang peperiksaan SPM.
13. Fahami tugas soalan sebelum menjawab. Jawab "apa yang ditanya" dan bukannya "apa yang saya tahu" atau mengikut pemikiran logik sahaja.
14. Sentiasa peka kepada isu-isu ekonomi semasa sama ada dalam negeri maupun antarabangsa.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pastikan setiap pelajar menguasai konsep, istilah, teori, rumus dan laras bahasa ekonomi.
2. Pelbagaikan kaedah PdP dan gunakan BBM yang sesuai, berkesan dan terkini bagi menarik minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru.
3. Beri pendedahan awal dan latihan berterusan kepada pelajar bentuk-bentuk soalan SPM terkini bermula semasa di Tingkatan 4 agar pelajar biasa dengan soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan menjawab berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Ingatkan pelajar supaya menjawab 3 soalan dari Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.
4. Wujudkan pembelajaran kontekstual yang mampu memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mendekati diri dengan pengalaman sebenar yang berlaku di persekitaran mereka kerana ini dapat membantu penguasaan konsep, menjana ide dan percambahan minda pelajar.
5. Pastikan pelajar melukis rajah/keluk dengan cara yang betul tanpa mengabaikan label yang perlu ada dalam rajah/keluk tersebut seperti titik origin, skala dan unit pada paksi. Latih tubi dipergiatkan agar pelajar menguasai kemahiran melukis keluk.
6. Sentiasa mengajar tajuk yang berkaitan pengiraan dengan menggunakan langkah-langkah yang sistematik seperti menulis rumus, menunjukkan cara pengiraan yang teratur, memberi jawapan yang tepat dan jelas serta menulis 'unit'.
7. Bimbing pelajar menghasilkan jawapan tepat dan padat tanpa meleret-leret. Lakukan pemeriksaan latihan secara tekal dan berterusan agar kelemahan dan kesilapan dapat diminimumkan.
8. Guru perlu membina soalan yang setanding dengan soalan SPM agar pelajar lebih bersedia dengan soalan SPM yang sebenar.
9. Memotivasi dan membimbing pelajar cara belajar yang berkesan agar daya ingatan dan kefahaman pelajar lebih mantap.
10. Pastikan pelajar menguasai sukatan pelajaran Ekonomi Asas secara menyeluruh dan bukannya memilih topik tertentu sahaja.